



JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
JALAN HJ ABD WAHAB, 31000 BATU GAJAH, PERAK.
NO TEL : 05-3632020, 05-3632030, NO FAKS : 05-3665930
e-mail : penilaian@mdbg.gov.my, web : http://www.mdbg.gov.my

BORANG PERMOHONAN SEWAAN GELANGGANG BADMINTON DAN DEWAN SERI JAYA

- 1. Nama :
2. No KP :
3. Alamat Surat Menyurat :
4. No. Telefon : (Rumah) (Telefon Bimbit)
5. Sewaan : * Bulanan / Harian *

5.1 UNTUK SEWAAN BULANAN

- 5.1.1. Tarikh Kegunaan : Sehingga
5.1.2. Hari Sewaan : Sehingga
5.1.3. Masa Sewaan : Sehingga
5.1.4. Tujuan Sewaan :

5.2 UNTUK SEWAAN HARIAN/SEWAAN MENGIKUT JAM

- 5.2.1 Tarikh Kegunaan :
5.2.2. Masa Kegunaan :
5.2.3 Tujuan Sewaan :
5.2.4. Hal – hal lain :

Saya bersetuju mematuhi semua arahan dan syarat – syarat sewaan Dewan Seri Jaya dan lain – lain peralatan seperti yang telah ditetapkan oleh pihak MDBG dan bersedia menjelaskan jumlah bayaran yang dikenakan. Saya berjanji akan bertanggungjawab memastikan keselamatan harta benda dan landskap MDBG yang terdapat di situ serta menjaga kebersihan Gelanggang Badminton dan Dewan Seri Jaya semasa dan selepas tempoh sewaan

Tarikh :
Tandatangan Pemohon

KEGUNAAN PEJABAT

Keputusan

* DILULUSKAN / DITOLAK

**SYARAT –SYARAT SEWAAN GELANGGANG BADMINTON
DAN DEWAN SERI JAYA BATU GAJAH**

1. Penyewa hanya memasuki dan menggunakan Gelanggang Badminton, Dewan Seri Jaya Batu Gajah setelah mendapatkan kelulusan serta surat kebenaran rasmi daripada pihak YANG DIPERTUA, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG). Surat kelulusan mesti dibawa semasa menggunakan Gelanggang Badminton, Dewan Seri Jaya Batu Gajah bagi tujuan pemeriksaan (jika perlu)
2. Bayaran sewaan mesti dijelaskan terlebih dahulu sebelum menggunakan Gelanggang Badminton, Dewan Seri Jaya Batu Gajah.
3. Penyewa wajib menjaga kebersihan pada setiap masa semasa berada di dalam kawasan Gelanggang Badminton, Dewan Seri Jaya Batu Gajah . Sampah sarap mestilah di buang di dalam tong sampah yang telah disediakan.
4. Sesiapa tidak dibenarkan meludah, mengotorkan, menconteng atau merosakkan apa- apa peralatan milik MDBG semasa berada dalam kawasan Gelanggang Badminton Dewan Seri Jaya Batu Gajah . Pihak Penyewa adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan peralatan di dalam kawasan Gelanggang Badminton Dewan Seri Jaya Batu Gajah yang disebabkan oleh penyewa atau mana- mana ahlinya.
5. Penyewa atau mana mana ahlinya tidak dibenarkan membawa sebarang makanan atau minuman (termasuk minuman keras) , kecuali air mineral / air kosong sahaja.
6. Penyewa Gelanggang Badminton Dewan Seri Jaya Batu Gajah akan bermain di atas risikonya sendiri. Pihak MDBG tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan / kecelakaan yang dialami semasa berada di dalam kawasan tersebut.
7. Segala pembayaran telah dibuat untuk sesuatu tarikh yang telah ditetapkan untuk sewaan akan luput walaupun pihak penyewa tidak bermain pada tarikh / masa berkenaan.
8. Penyewa dan semua ahli – ahlinya mesti berpakaian sukan yang kemas / sopan dan tidak berpakaian menjolok mata semasa berada di dalam kawasan Gelanggang Badminton Dewan Seri Jaya Kinta Batu Gajah.
9. Pada bila – bila masa , pihak YANG DIPERTUA berhak membatalkan sebarang kelulusan sewaan Gelanggang Badminton dan Dewan Seri Jaya bagi memberi laluan kepada Majlis/ acara rasmi / acara tidak rasmi dan sebarang bayaran yang dijelaskan akan dikembalikan sepenuhnya dan MDBG tidak akan bertanggungjawab mencari gantian.
10. Pegawai Berkuasa MDBG (termasuk pengawal keselamatan) adalah diberi kuasa mengusir sesiapa sahaja yang gagal mematuhi mana – mana arahan di atas arahan atau sengaja menyebabkan gangguan / kelakuan yang tidak sopan semasa berada di dalam kawasan Gelanggang Badminton Dewan Seri Jaya Batu Gajah.
11. Penyewa Gelanggang Badminton Dewan Seri Jaya Batu Gajah mesti mematuhi sebarang arahan samada bertulis atau lisan yang dikeluarkan oleh YANG DIPERTUA Pegawai – Pegawai yang diberi kuasa (termasuk pengawal keselamatan)